

Dakwaan Fauzi: Faisal sedia bekerjasama

UM '1 APR 2001

KUANTAN 1 April - Naib Ketua UMNO Bahagian Kuantan, Datuk Faisal Abdullah bersedia untuk bekerjasama dengan jawatankuasa sementara bagi menyiasat segala tuduhan oleh ketuanya, Datuk Fauzi Abdul Rahman mengenai politik wang di bahagian berkenaan.

Beliau berkata, ini kerana penyiasatan berkenaan sudah pasti dapat menentukan apakah dakwaan ketuanya itu benar atau sebaliknya.

'Saya menyambut baik penubuhan jawatankuasa ini kerana ia dapat memastikan apakah dakwaan Fauzi itu benar atau seba-

liknya," katanya kepada Utusan ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau menyatakan demikian ketika diminta mengulas langkah Majlis Tertinggi (MT) UMNO menubuhkan jawatankuasa khas sementara bagi menyiasat segala tuduhan Fauzi mengenai politik wang dan penyelewengan melibatkan Setiausaha Agung UMNO, Tan Sri Khalil Yaakob.

Serentak itu, Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, mesyuarat Bahagian UMNO Kuantan akan ditangguhkan sehingga proses siasatan selesai.

Sehubungan itu beliau berha-

rap parti-parti pembangkang tidak mengambil kesempatan terhadap isu berkenaan kerana ia adalah masalah dalaman UMNO bahagian berkenaan.

Dalam pada itu, Timbalan Ketua UMNO Bahagian berkenaan, Datuk Wan Adnan Wan Mamat turut mengalu-alukan penubuhan jawatankuasa itu yang boleh memberi keadilan kepada yang mendakwa dan orang yang didakwa.

"Saya berpendapat adalah bagus menubuhkan jawatankuasa berkenaan, saya akan memberikan kerjasama agar keadilan dapat ditegakkan," jelasnya.